



# GARIS PANDUAN

PROGRAM TRANSFORMASI DESA & PENGUPAYAAN  
KOMUNITI (PTDPK)

## BANTUAN EKONOMI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)  
IBU PEJABAT KEDA  
KM 7, JALAN LANGGAR,  
05460 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

DIKEMASKINI PADA 20 JUN 2022

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

# **GARIS PANDUAN PROGRAM TRANSFORMASI DESA & PENGUPAYAAN KOMUNITI (PTDPK)**

## **BANTUAN EKONOMI**

### **1. PENYATAAN DASAR**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan dasar dan kaedah pelaksanaan Projek Bantuan Ekonomi yang dilaksanakan oleh KEDA di bawah komponen Projek PTDPK.

### **2. PENGENALAN PTDPK**

- 2.1 Projek bantuan ekonomi merupakan program kepada penduduk di kawasan luar bandar bagi menambah pendapatan dalam menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, Perusahaan Sumber Asas Tani, dan Aktiviti Perkhidmatan.
- 2.2 Program ini telah diluluskan pelaksanaan bermula dari RMKe-11 dan diteruskan dalam RMKe-12. Pelaksanaan PTDPK juga adalah bagi memenuhi teras-teras utama agenda Kerajaan dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk memperkuuh Pembangunan Masyarakat yang inklusif serta meningkatkan kesejahteraan rakyat di Negeri Kedah.
- 2.3 PTDPK juga mengadaptasi program nasional di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bertujuan merangsang semula ekonomi negara dengan memberi input bantuan ekonomi bagi membolehkan ekonomi individu dan institusi dipertingkatkan.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Objektif program telah digariskan kepada kategori seperti berikut:
  - i. Membantu meningkatkan **pendapatan individu** dalam mengembang perniagaan mereka bagi mengukuhkan pendapatan isi rumah.
  - ii. Membantu meningkatkan **pengupayaan institusi** dalam membolehkan institusi berdaya saing dan berdaya maju seiring dengan yang lain.

## **4. PESERTA**

### **4.1 Individu**

4.1.1 Pemilihan peserta bagi kategori individu adalah terdiri daripada penduduk miskin luar bandar di kawasan operasi KEDA yang mempunyai asas projek ekonomi.

4.1.2 Keutamaan hendaklah diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang produktif, tidak uzur, telah tamat persekolahan atau tidak bersekolah lagi semasa permohonan dibuat, berminat dan berazam kuat untuk menjalankan projek yang dimohon serta:

- i) Mempunyai pengalaman dan kemahiran asas dalam bidang berkaitan.
- ii) KIR / IT yang mempunyai tanggungan yang ramai.
- iii) Menjaga/mempunyai anggota keluarga yang istimewa/anak yatim piatu dan tidak menerima sebarang bantuan projek ekonomi/ kebajikan bulanan daripada mana-mana jabatan/organisasi/institusi bantuan.
- iv) Wajib menjalani kursus persediaan/latihan pra-pelaksanaan projek yang dianjurkan KEDA.

### **4.2 Institusi**

4.2.1 Pemilihan peserta bagi kategori institusi terdiri daripada institusi Pasukan Perancang dan Pelaksana Projek (4P) Desa KEDA, Koperasi Desa-desa KEDA, Jawatankuasa Pengurusan Surau Desa KEDA, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Persatuan.

4.2.2 Keutamaan diberikan kepada 4P Desa KEDA dan Koperasi Desa KEDA yang menunjukkan minat, aktif dan berazam kuat untuk menjalankan projek yang dimohon serta:

- i) Mempunyai pengalaman dan kemahiran asas dalam bidang berkaitan; dan

- ii) Memberi manfaat kepada ahli/ anggota 4P atau Koperasi.

## 5. SKOP DAN KADAR BANTUAN

5.1 Skop projek di bawah program ini adalah seperti berikut:

- i) Perniagaan secara kecil-kecilan

Menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan dan barang sebagai aktiviti utama projek. Sebagai contoh: Apam Balik, Nasi Lemak, Burger dll.

- ii) Perusahaan Sumber Asas Tani

Menjalankan aktiviti penghasilan produk/memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek. Sebagai contoh: Perusahaan Bahulu, Tapai, Kerepek, Sos Cili dll.

- iii) Aktiviti Perkhidmatan

Memberi perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek. Sebagai Contoh: Perkhidmatan Gunting Rambut, Kraftangan, Jahitan dll.

5.2 Bantuan diberi dalam pelbagai bentuk termasuk mesin, peralatan, bengkel/ruang niaga, bahan mentah, latihan pra-pelaksanaan projek, bimbingan serta kos perkhidmatan pengurusan.

5.3 Kadar bantuan bagi seorang peserta adalah seperti berikut:

- i) **Individu**

Kadar bantuan maksimum sehingga **RM 10,000.00**.

- ii) **Institusi**

Kadar bantuan maksimum sehingga **RM 20,000.00**.

5.4 Aset/premis/mesin/peralatan bantuan adalah menjadi tanggungjawab peserta selagi peserta masih aktif mengusahakan projek ekonomi berkenaan dan

Peserta juga diwajibkan menandatangani Borang Dan Dokumen Yang Digunakan seperti di klausula 8 di bawah.

## 6. PEMILIHAN PESERTA

- 6.1 Setiap permohonan akan diteliti dan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Peserta Projek PTDPK untuk dipertimbangkan kelulusan.
- 6.2 Jawatankuasa Pemilihan Peserta Projek PTDPK berhak untuk mengenakan atau menentukan sebarang peraturan atau syarat atas kelulusan yang diberi.
- 6.3 Sebarang pertukaran projek dan peserta hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pembangunan Komuniti (BPK) untuk diangkat kepada Jawatankuasa Pemilihan Peserta Projek PTDPK bagi dibuat keputusan semula.

## 7. KAEADAH PELAKSANAAN

- 7.1 Bagi setiap permohonan yang diterima, Pegawai Pelaksana Zon hendaklah menguruskan permohonan dengan memastikan ianya diisi dengan lengkap dan sempurna.
- 7.2 Kertas cadangan projek perlu mendapatkan pengesahan dari Pegawai Pembangunan Zon masing-masing dan dikemukakan kepada BPK untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa.
- 7.3 Projek yang dicadangkan perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
  - i) Menepati skop projek, kumpulan sasar dan kadar bantuan yang telah ditetapkan.
  - ii) Berdaya maju (*viable*) iaitu boleh memberi peningkatan/tambahan pendapatan dan berdaya tahan (*sustainable*) serta mempunyai prospek pasaran dan berpotensi untuk berkembang bagi maksud dikomersialkan.
- 7.4 Setiap tindakan yang melibatkan hal ehwal kewangan/urusan perolehan atau tuntutan pembayaran perlu menggunakan Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

**8. BORANG DAN DOKUMEN YANG DIGUNAPAKAI**

- 8.1 Borang Permohonan Bantuan Ekonomi – BE01;
- 8.2 Perjanjian Penerimaan Bantuan Ekonomi – BE02; dan
- 8.3 Akuan Penerimaan Bantuan Ekonomi –BE03.

**9. PENYELIAAN/PEMANTAUAN DAN PELAPORAN**

- 9.1 Pegawai Pembangunan Zon / Pegawai Pelaksana Zon hendaklah memastikan supaya penyeliaan dan pemantauan pelaksanaan program dibuat dengan rapi.
- 9.2 Pemantauan yang dibuat hendaklah dilaporkan kemajuan pelaksanaan projek kepada BPK pada setiap empat (4) bulan selama satu (1) tahun dengan menggunakan format laporan seperti di **Lampiran A**.

**10. TARIKH KUATKUASA DAN PINDAAN**

Pemakaian Garis Panduan ini berkuat kuasa setelah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan KEDA. Garis Panduan ini boleh dipinda atau diubahsuai mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan diperaku dalam Mesyuarat Pengurusan KEDA.

Bahagian Pembangunan Komuniti  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Dikemaskini pada 20 Jun 2022.